



MOD.100-2/1/2 Jld 6 ( ) 17/05

## **LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN KE PANGKALAN TLDM LUMUT**

1. **LUMUT, 4 Jun 2024** - Menteri Pertahanan, **YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah mengadakan Lawatan Kerja ke Pangkalan TLDM Lumut, hari ini.
2. Semasa lawatan, YB Menteri Pertahanan telah menyempurnakan beberapa program termasuk Majlis Penyerahan Sumbangan Caruman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Taklimat Eksekutif oleh Panglima Armada Barat, Laksamana Madya Dato' Ts. Shamsuddin bin Hj Ludin, Lawatan ke Limbungan Lumut Naval Shipyard (LUNAS), Lawatan ke Rumah Keluarga TLDM, dan Majlis Ramah Mesra bersama Warga TLDM. Perincian program adalah seperti berikut;
  - a. **MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN CARUMAN LTAT**
    - i) Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan di serambi Markas Pemerintahan Armada Barat. Keseluruhan **penerima** adalah seramai **lima orang waris keluarga mangsa nahas helikopter TLDM** dan juga merupakan pencarum kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).
  - b. **LAWATAN KE LIMBUNGAN LUMUT NAVAL SHIPYARD (LUNAS)**
    - i) YB Menteri Pertahanan turut mengadakan lawatan ke limbungan LUNAS bagi melihat sendiri kemajuan pembinaan kapal tempur pesisir pantai (*Littoral Combat Ship*) TLDM. YB Menteri Pertahanan dan delegasi turut dibawa meninjau lebih dekat Kapal *Littoral Combat Ship* yang pertama (LCS) 1 yang sedang giat disiapkan. Kemajuan kerja projek ini merupakan satu elemen penting dalam memastikan TLDM dapat menerima kapal tempur tersebut bermula penghujung 2026.
    - ii) **Kapal LCS1 telah berjaya diluncurkan ke permukaan air (*downslip*) mengikut jadual kontrak pada 23 Mei 2024 jam 6.30 petang di Limbungan Lumut Naval Shipyard Sdn Bhd (LUNAS).** Aktiviti *downslip* ini penting di dalam proses pembinaan LCS1 bagi membolehkan pihak limbungan menyiapkan keperluan integrasi sistem sebelum pelaksanaan pelbagai ujian platform dan sistem combat yang dilaksanakan pada penghujung Tahun 2024.

iii) Berdasarkan perancangan perbatuan terkini, **Kapal LCS1 akan menjalani Harbour Acceptance Trial (HAT) dan Sea Acceptance Trial (SAT) pada penghujung Tahun 2024.** Justeru itu, berdasarkan perancangan ini, **Kapal LCS Pertama dijangka akan dapat diserahkan kepada TLDM pada akhir Tahun 2026.**

iv) Selain itu, kemajuan kerja pembinaan bagi kapal LCS2 hingga LCS5 masih mengikut perancangan dan kapal-kapal ini dijangka diserahkan mengikut jadual yang dirancangkan iaitu LCS2 tahun 2027 dan kapal seterusnya akan diserahkan selang lapan bulan sehingga LCS5 siap sepenuhnya pada Tahun 2029.

**c. LAWATAN KE RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA (RKAT)**

i) Lawatan YB Menteri Pertahanan diteruskan ke Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) pangkalan TLDM. Lawatan ini adalah bertujuan bagi YB Menteri Pertahanan melihat dengan lebih dekat keadaan persekitaran perumahan dan kondisi bangunan kediaman kerajaan kepada warga TLDM yang bertugas di Pangkalan TLDM Lumut. Ia meliputi rumah yang telah menjalani proses naik taraf serta yang belum dinaiktaraf.

ii) Semasa lawatan, YB Menteri Pertahanan diberikan taklimat berkaitan status senggaraan RKAT Pangkalan TLDM Lumut oleh Ketua Pegawai Perkhidmatan Senggaraan Pangkalan, Komander Norparidan bin Mat Noh TLDM meliputi projek-projek naik taraf blok rumah keluarga dan senggaraan ke atas rumah keluarga pelbagai kelas di dalam pangkalan.

iii) Seusai lawatan, YB MENHAN bergerak ke Majlis Ramah Mesra di Auditorium M. Sidek Shabudin, KD PELANDOK untuk beramah mesra bersama warga pangkalan serta menyampaian ***mock cheque*** berjumlah **RM 38,040,000.00** kepada **Komander Pangkalan Lumut, Laksamana Pertama Hj Jamaludin bin Hj Sairi** yang merupakan **Peruntukan Senggaraan RKAT dan Blok Penginapan Pangkalan TLDM Lumut Tahun 2024.** Simbolik penyerahan peruntukan ini membuktikan Kementerian Pertahanan sentiasa cakna dan komited dalam usaha memelihara kebajikan dan kemaslahatan warga TLDM.

**d. KEBAJIKAN ANGGOTA ATM**

i) Majlis turut mengumpulkan seramai **10 orang pelajar** yang terdiri daripada 5 orang pelajar sekolah rendah dan 5 orang pelajar sekolah menengah Tahun 2024. Mereka adalah merupakan **anak-anak anggota tentera dari Pangkalan TLDM Lumut** yang menerima **Sumbangan Pendidikan MADANI** berjumlah **RM50.00** secara **one-off** ke dalam akaun **Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpanan SSPN Prime)**.

ii) Inisiatif ini adalah **hasil daripada keprihatinan pihak Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT)** yang memandang serius urusan Pendidikan tinggi anak-anak ATM. Melalui inisiatif ini anak-anak ATM akan memiliki akaun simpanan di PTPTN yang akan memudahkan urusan Pendidikan tinggi mereka mereka pada masa hadapan.

iii) Majlis ini diserikan lagi dengan **penyampaian bantuan kebajikan iaitu sumbangan sebanyak RM300.00 secara one-off** oleh YLTAT kepada **20 orang penerima** dari kalangan anggota atau waris yang **menghidap penyakit kronik**. Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam usaha membantu meringankan beban warga TLDM menjalani kehidupan seharian.

iv) Kementerian Pertahanan sentiasa menumpukan tekad kepada usaha besar meliputi kebajikan dan kemaslahatan warganya. Aspek kebajikan warga ATM sentiasa menjadi nadi utama yang dititikberatkan dalam menjamin tahap kesejahteraan warga sentiasa terpelihara dan memiliki moral yang tinggi dengan kualiti hidup yang sejahtera.

3. Turut hadir adalah Panglima Tentera Laut; Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Pegawai-pegawai Kanan TLDM serta **warga TLDM yang bertugas di pangkalan TLDM Lumut**.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**4 Jun 2024 (dikeluarkan pada jam 12.30 tgh hari)**